

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]**

**TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu para pelajar agar sesi pembelajaran di rumah melalui platform dalam talian, terutamanya mereka yang tidak memiliki komputer atau komputer riba di rumah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid. Kaedah *Home-based Learning* ini dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran digital iaitu MOE-DL, yang kemudiannya dikenali sebagai Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menjalankan Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian (*Online Learning*) pada 28 Mac hingga 2 April 2020 dengan melibatkan 670,118 responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada 893,331 murid. Dapatan kajian menunjukkan 6.0 peratus murid memiliki komputer peribadi, 9.3 peratus murid memiliki komputer riba, 5.8 peratus murid memiliki tablet dan 46.5 peratus murid memiliki telefon pintar.

## NO. SOALAN : 22

Terdapat juga murid yang memiliki lebih daripada satu peranti bagi kegunaan pembelajaran secara dalam talian. Namun, dalam masa yang sama, masih terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti yang bersesuaian. Di samping itu, terdapat juga kekangan dalam akses kepada internet. Keadaan ini menyebabkan pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid. Walau bagaimanapun, apabila semua sekolah telah dibuka sepenuhnya pada 3 Ogos 2020, semua murid telah dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka.

KPM prihatin dan sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran secara seragam. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, kaedah *Home-based Learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan, rancangan radio pendidikan dan serahan bahan pembelajaran kepada murid.

Secara keseluruhan, KPM menyedari bahawa terdapat kelemahan dalam pelaksanaan *Home-Based Learning* semasa PKP yang menyebabkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian agak terhad berbanding kaedah secara bersemuka. Ini adalah kerana pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian merupakan sesuatu yang baharu untuk kebanyakan guru, murid dan ibu bapa.

Oleh demikian, antara perkara utama yang dilaksanakan setelah sekolah dibuka semula ialah guru menilai tahap penguasaan murid. Seterusnya, guru mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan murid sekurang-kurangnya mencapai tahap penguasaan minimum dalam setiap mata pelajaran yang diikuti. KPM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *Home-based Learning* ini dari semasa ke semasa. Buat masa ini, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital, termasuk pelaksanaan *Home-based Learning*. Sekian, terima kasih.